

Rujukan: UKM3.2.8/244/22

Tarikh: 18 Januari 2012

Dekan-Dekan Fakulti

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB)
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi

Pengarah Institut/Pusat

- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
- Institut Kajian Oksidental (IKON)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)

- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM)
- Institut Perubahan Iklim (IKP)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- Pusat Permata PintarNegara
- Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA)
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita (PKW)

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof.,

Pembukaan Permohonan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) Fasa 1/2012

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membuka permohonan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) Fasa 1/2012 mulai 12 Januari 2012 hingga 12 Mac 2012.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof., Kementerian akan memberi pertimbangan kepada permohonan projek-projek ERGS Fasa 1/2012 berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- i) Kertas cadangan projek penyelidikan yang menepati kriteria penyelidikan eksploratori, mantap dan lengkap **mengikut Garis Panduan ERGS.**
- ii) Kos projek penyelidikan yang dipohon **tidak boleh melebihi RM300,000.00** dengan tempoh penyelidikan **maksimum sehingga tiga (3) tahun** sahaja.
- iii) Setiap Ketua Penyelidik hanya boleh mengemukakan **satu (1) permohonan** sahaja bagi Fasa 1/2012.
- iv) Setiap projek penyelidikan perlu mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) orang penyelidik termasuk Ketua Penyelidik.**
- v) Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.

- vi) Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.

4. Bagi tujuan penghantaran borang ke CRIM, pihak Pengurusan Penyelidikan di F/I/P perlu merujuk kepada **Garis Panduan Pengendalian Borang ERGS untuk Fakulti/Institut/Pusat (Pindaan 1/2012)** dan memastikan perkara-perkara berikut dikemukakan kepada CRIM selewat-lewatnya pada **6 Mac 2012 (Selasa) sebelum jam 4.00 petang**:-

- i) Dua (2) salinan borang permohonan;
- ii) Satu (1) salinan Borang Penilaian Permohonan ERGS peringkat F/I/P (dikepilkkan di atas borang permohonan); dan
- iii) Lampiran B – Format Senarai Keseluruhan Permohonan ERGS Fasa 1/2012 (dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*).

5. Bersama-sama ini disampaikan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof.:-

- i) Jadual Kerja Permohonan Geran ERGS (Lampiran 1).
- ii) Garis Panduan Pengendalian Borang ERGS untuk Fakulti/Institut/Pusat (Pindaan 1/2012).
- iii) Borang Penilaian Permohonan ERGS.
- iv) Format Senarai Keseluruhan Permohonan ERGS Fasa 1/2012 (Lampiran B).

6. Sehubungan ini, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof. adalah dipohon untuk memaklumkan pembukaan permohonan ERGS Fasa 1/2012 kepada semua penyelidik di F/I/P masing-masing. **Borang Permohonan ERGS dan Garis Panduan ERGS yang terkini** boleh dimuat turun mulai 12 Januari 2012 melalui laman web Jabatan Pengajian Tinggi (<http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php>). Bagi tujuan pertanyaan sila hubungi Puan Siti Noraida binti Sood di talian 03-8921 5631. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof. dalam perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

t.t.

PROF. DR. CHE HASSAN CHE HARON

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k.

✉ Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor UKM
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)

✉ Fail edaran

Berlampir: